

Kata Ganda – Buku Teks Halaman 30

5.2.1 Memahami dan menggunakan kata ganda penuh, kata ganda penuh berimbuhan dan kata ganda majmuk dengan betul mengikut konteks.

Baca nota di bawah.

Kata Ganda

Terdapat lima jenis kata ganda iaitu kata ganda penuh, kata ganda separa, kata ganda berentak, kata ganda berimbuhan, dan kata ganda majmuk.

Kata ganda penuh boleh dibuat kata dasar atau kata terbitan dan ditanda dengan tanda sempang (-)

Contoh: kereta-kereta, jalan-jalan, dan pelajar-pelajar

Kata ganda separa ialah kata ganda yang terbentuk dengan menghilangkan sebahagian kata ganda penuh.

Contoh: bebayang, sesumpah, lelaki, dan sebagainya

Kata ganda berentak ialah kata ganda yang mengalami persamaan bunyi sama ada di pangkal, di tengah, atau di hujung.

Contoh: kuih-muih, lauk-pauk, dan huru-hara.

Kata ganda berimbuhan pula ialah kata ganda yang diberi imbuhan.

Contoh: berkejar-kejar dan merayu-rayu

Kata ganda majmuk ialah penggandaan kata majmuk yang melibatkan penggandaan unsur pertama sahaja

Contoh: alat-alat tulis dan kereta-kereta berhias

Contoh kesalahan ayat

1. Terdapat peniaga India, Melayu, Cina dan kaum lain sibuk menjalankan perniagaan di bahu jalan jalan. (Salah)
2. Terdapat peniaga India, Melayu, Cina dan kaum lain sibuk menjalankan perniagaan di bahu-bahu jalan. (Betul)

Latihan A

Lengkapkan cerita di bawah ini dengan kata ganda yang betul.

bebola	gelap-gelita	halus-halus
sabar-sabar	terpisat-pisat	bersalam-salaman
nipis-nipis	agar-agar	sebersih-bersihnya
Bawang-bawang	kira-kira	bahan-bahan

Seawal pukul 3:30 pagi. Puan Ella sudah bangkit daripada tidur. Keadaan di luar rumah masih**(1)**..... Dengan mata yang

(2)..... Puan Ella mengayunkan langkah ke bilik air.

Beliau mencuci muka dengan**(3)**.....Kemudian, beliau melangkah ke dapur. Beliau perlu menyediakan sarapan bagi 100 orang pekerja di sebuah syarikat swasta. Tempahan itu telah diterima oleh beliau dua minggu yang lalu menerusi syarikatnya, Ella Katering.

Di dapur, beliau merendam mihun di dalam sebuah besen. Kemudian, beliau mengambil bawang merah dan bawang putih yang telah dikupas di dalam peti sejuk. Beliau mengisar**(4)**.....itu sehingga lumat. Setelah itu, beliau memotong bahan-bahan seperti kek ikan dan**(5)**.....ikan**(6)**.....Kemudian beliau memotong sawi dan lobak merah **(7)**.....

Setelah semuanya siap, beliau memasukkan minyak masak ke dalam kualiti dan menumis bahan-bahan yang telah dikisar tadi. Beliau juga memasukkan cili giling. Setelah bahan tumisan tersebut sudah garing,

beliau memasukkan **(8)**.....lain. Akhir sekali, beliau

memasukkan mihun dan menggaul mihun tersebut sehingga masak.

Puan Ella memasukkan mihun goreng itu ke dalam sebuah bekas besar.

Setelah itu, beliau membuat**(9)**.....pula. Tepat pukul 6:50 pagi,

Puan Ella membawa semua makanan tersebut ke syarikat pelanggannya

Beliau tiba di sana **(10)**.....pukul 7:30 pagi dan mengatur

hidangan tersebut di atas meja. Beberapa orang pekerja sudah tiba di

syarikat itu,Mereka kelihatan tidak **(11)**..... untuk menikmati hidangan yang disediakan.

Setelah selesai, Puan Ella berjumpa dengan Puan Nadia, pelanggan yang membuat pesanan tersebut.Beliau memberikan bayaran kepada Puan Ella. Puan Ella mengucapkan terima kasih kepada Puan Nadia.Mereka

(12).....Puan Ella pulang ke rumah dengan perasaan bersyukur.



Latihan B - SOALAN OBJEKTIF

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1.....diminta mengulang kaji pelajaran setiap kali selesai proses pembelajaran di sekolah.

A Guru-guru

B Ketua-ketua

C Murid-murid

D Pekerja-pekerja

2. Budak lelaki itu menangis.....apabila dimarahi oleh ibunya kerana bermain di luar rumah tanpa memakai kasut.

A teresak-esak

B terharu-haru

C tersekat-sekat

D terniang-ngiang

3. Puan Fatimah menjaga.....nya seperti menatang minyak yang penuh umpama anak sendiri.

A anak-anak perempuan

B anak-anak angkat

C anak-anak lelaki

D anak-anak kecil

4. Ibu sedang menunggu ayah yang tidak juga.....ke rumah walaupun hari sudah larut malam.

A pulang-pulang

B datang datang

C pindah-pindah

D timbul-timbul

5. Kita haruslah menghargai jasa para pejuang kemerdekaan yang berjuang..... demi membebaskan tanah air tercinta daripada penjajah.

A bermusuh-musuhan

B bersahut-sahutan

C berkejar-kejaran

D bermati-matian

LATIHAN C - Suaikan

Baca ayat-ayat berikut dengan teliti, kemudian kenal pasti sama ada perkataan yang dihitamkan adalah kata ganda penuh, kata ganda berentak, kata ganda berimbuhan atau kata ganda majmuk.

Suasana di pasar ikan itu hingar-bingar dengan kehadiran pelanggan yang ingin membeli hasil laut yang segar.

kata ganda
penuh

Berita kehilangan Amira di luar negara itu hanyalah cakap-cakap kosong sahaja dan belum dapat dipastikan lagi kesahihannya.

kata ganda
berentak

Anak kucing itu hampir-hampir dilanggar oleh kereta apabila cuba melintas jalan raya yang sibuk itu.

kata ganda
berimbuhan

Setiap petang, Mak Munah akan membersihkan halaman rumahnya dengan menyapu daun-daunan kering dan mencantas dahan pohon-pohon bunga

kata ganda
majmuk